



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KOMITMEN PENGHAYATAN AGAMA DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI  
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS DI PERAK**

**NUR SYA RAHIRAH BINTI LIHI**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2023**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KOMITMEN PENGHAYATAN AGAMA DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI  
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS DI PERAK**

**NUR SYA RAHIRAH BINTI LIHI**

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI KEPERLUAN BAGI MEMENUHI  
SYARAT PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA MUDA (PENDIDIKAN) ISLAM  
DENGAN KEPUJIAN**

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2023**

**Sila tanda (□)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja

Kursus Doktor Falsafah

/	

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 31 JANUARI 2023

**i. Perakuan pelajar:**

Saya, NUR SYA RAHIRAH BINTI LIHI (D20191089245), FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KOMITMEN PENGHAYATAN AGAMA DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS DI PERAK, adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

*syarahirah*

---

Tandatangan pelajar**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, DR. ABD HADI BIN BORHAM dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KOMITMEN PENGHAYATAN AGAMA DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS DI PERAK dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh ijazah SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) DENGAN KEPUJIAN.

31 JANUARI 2023

---

Tarikh

---

Tandatangan Penyelia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## TUNTUTAN PIHAK KETIGA

Latihan Ilmiah ini disediakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan pengijazahan Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) Dengan Kepujian oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris, Pihak Jabatan Pengajian Islam dan Fakulti Sains Kemanusiaan. Universiti Pendidikan Sultan Idris tidak bertanggungjawab atas sebarang tuntutan dari pihak ketiga yang berhubung kait dengan penyelidikan Latihan Ilmiah ini.

30 Januari 2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufiq dan hidayahnya, saya dapat menyempurnakan projek tahun akhir dengan sempurna dan berjaya menghantar pada tarikh yang telah ditetapkan. Dengan kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ini sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada pensyarah penyelia saya iaitu Dr. Abd Hadi Bin Borham kerana sentiasa memberi bimbingan, tunjuk ajar, galakan, dorangan dan nasihat sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada ibu dan bapa saya yang tercinta Zaleha Binti Raduan dan Lihi Bin Alan kerana sentiasa mendoakan dan memberi semangat kepada saya supaya melakukan kajian ini dengan baik dan sempurna. Begitu juga kepada rakan seperjuangan saya yang lain kerana bersama-sama berjuang dan bertungkus-lumus untuk menyiapkan kajian ini, saya ucapkan terima kasih kerana sentiasa menjadi pembakar semangat saya dalam melakukan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada pelajar-pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana sudi menjadi responden dan meluangkan masa untuk menjawab borang soal selidik yang diberi. Akhir sekali, saya berharap agar kajian yang dilakukan ini dapat memberi panduan kepada saya sendiri dan juga sesiapa sahaja yang hendak menjadikan kajian ini sebagai panduan ataupun untuk menambah ilmu pengetahuan. Segala yang baik itu datang daripada Allah SWT dan segala kelemahan itu datang daripada saya sendiri.

Sekian, terima kasih.





## ABSTRAK

Penghayatan agama dalam kehidupan pelajar adalah sangat penting bagi melahirkan pelajar yang berilmu dan berakhhlak baik. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti komitmen penghayatan agama dari aspek akidah, ibadah dan akhlak dalam kalangan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris di Perak. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan data kuantitatif sebagai data utama. Jenis instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik. Kajian ini juga menggunakan perisian *Statiscal Package For Social Science* (SPSS) melibatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai untuk menganalisis data yang diperoleh. Data yang diperolehi dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif yang menjelaskan komitmen penghayatan agama dalam kalangan pelajar dari aspek akidah, ibadah dan akhlak. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa komitmen penghayatan agama dalam kalangan pelajar dari aspek akidah ialah tinggi, dari aspek ibadah ialah tinggi manakala dari aspek akhlak pula juga pada tahap yang tinggi. Implikasi daripada kajian ini ialah pelajar-pelajar akan dapat membuat penambahbaikan dari segi memperbaiki diri supaya menghayati ajaran agama Islam.





## COMMITMENT TO RELIGIOUS AWARENESS AMONG STUDENTS OF SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY IN PERAK

### ABSTRACT

The appreciation of religion in the lives of students is very important to produce students who are knowledgeable and have good morals. Therefore, this study was conducted to identify the commitment to religious appreciation in the aspects of faith, worship, and morals among students of Sultan Idris University of Education in Perak. This is a survey study that uses quantitative data as its main source of information. The type of research instrument used in this study is a questionnaire. This study also used Statistical Package for Social Science (SPSS) software involving frequency, percentage, mean, and standard deviation to analyse the data obtained. This study's data was analysed using descriptive analysis, which explained the commitment of religious appreciation among students in terms of faith, worship, and morals. According to the study's findings, students' commitment to religious appreciation is high in terms of belief, high in terms of worship, and high in terms of morals. The implication of this study is that students will be able to make improvements in terms of self-improvement in order to appreciate the teachings of Islam.



## ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
<b>PERAKUAN</b>	i
<b>TUNTUTAN PIHAK KETIGA</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Objektif Kajian	11
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Limitasi Kajian	12
1.6 Kepentingan Kajian	12
1.7 Kerangka Teori Kajian	13
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	14
1.9 Definisi Istilah	15
1.10 Kesimpulan	18
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATURE</b>	
2.0 Pendahuluan	19
2.1 Komitmen Penghayatan Agama	21
2.2 Konsep Syarak Dalam Islam	25
2.3 Konsep Akidah Dalam Syarak	27
2.4 Konsep Ibadah Dalam Syarak	29



2.5	Konsep Akhlak Dalam Syarak	33
2.6	Teori Kajian	35
2.7	Kajian Lepas	37
2.8	Kesimpulan	47

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pendahuluan	48
3.1	Reka Bentuk Kajian	50
3.2	Populasi Kajian Dan Sampel Kajian	51
3.3	Instrumen Kajian	52
3.4	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	54
3.5	Tatacara Pengumpulan Data	55
3.6	Tatacara Penganalisis Data	56
3.7	Kesimpulan	57

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.0	Pendahuluan	59
4.1	Profil demografi rasponden	61
4.2	Analisis Deskriptif Komitmen Penghayatan Agama Dalam Kalangan Pelajar Dari Aspek Akidah, Ibadah dan Akhlak	69
4.2.1	Analisis Komitmen Penghayatan Agama Dalam Kalangan Pelajar Dari Aspek Akidah	69
4.2.2	Analisis Komitmen Penghayatan Agama Dalam Kalangan Pelajar Dari Aspek Ibadah	73
4.2.3	Analisis Komitmen Penghayatan Agama Dalam Kalangan Pelajar Dari Aspek Akhlak	776
4.3	Analisis Keseluruhan Komitmen Penghayatan Agama Dalam Kalangan Pelajar Dari Aspek Akidah, Ibadah dan Akhlak.	79
4.4	Kesimpulan	80

**BAB 5 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

5.0	Pendahuluan	81
-----	-------------	----





5.1	Perbincangan Dapatan Kajian	82
5.1.1	Komitmen Penghayatan Agama Dalam Kalangan Pelajar Dari Aspek Akidah	84
5.1.2	Komitmen Penghayatan Agama Dalam Kalangan Pelajar Dari Aspek Ibadah	86
5.1.3	Komitmen Penghayatan Agama Dalam Kalangan Pelajar Dari Aspek Akhlak	87
5.2	Ringkasan Kajian	89
5.3	Cadangan Lanjutan Kajian	90
5.4	Kesimpulan	91
	<b>Rujukan</b>	93
	<b>Lampiran</b>	100





## SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	HALAMAN
Jadual 3.1	Bahagian Dalam Borang Soal Selidik	53
Jadual 3.2	Skala Jawapan	54
Jadual 4.1	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	60
Jadual 4.2	Taburan Responden Berdasarkan Umur	61
Jadual 4.3	Taburan Responden Berdasarkan Bidang Pengajian	61
Jadual 4.4	Taburan Responden Berdasarkan Program Pengajian	62
Jadual 4.5	Taburan Responden berdasarkan Semester	66
Jadual 4.6	Interpretasi Skor Min (Nunnaly & Bernstein, 1994)	68
Jadual 4.7	Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai Tentang Komitmen Penghayatan Agama Dalam Kalangan Pelajar Dari Aspek Akidah	69
Jadual 4.8	Analisis Keseluruhan Komitmen Penghayatan Agama Dalam Kalangan Pelajar Dari Aspek Akidah	71
Jadual 4.9	Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai Tentang Komitmen Penghayatan Agama Dalam Kalangan Pelajar Dari Aspek Ibadah	73
Jadual 4.10	Analisis Keseluruhan Komitmen Penghayatan Agama Dalam Kalangan Pelajar Dari Aspek Ibadah	74
Jadual 4.11	Taburan Peratus, Min dan Sisihan Piawai Tentang Komitmen Penghayatan Agama Dalam Kalangan Pelajar Dari Aspek Akhlak	76





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Jadual 4.12	Analisis Keseluruhan Komitmen Penghayatan Agama Dalam Kalangan Pelajar Dari Aspek Akhlak	78
Jadual 4.13.	Nilai Keseluruhan Komitmen Penghayatan Agama Dalam Kalangan Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris	78



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

x



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	HALAMAN
Rajah 1.1	Teori Ilmu dan Amal al-Ghazali (1993)	13
Rajah 1.2	Teori Kaedah Pendidikan Akhlak	14
Rajah 1.3	Kerangka Konseptual Kajian	14





## SENARAI SINGKATAN

SWT	-	Subhanahuwataala
SAW	-	Sallallahualaihiwasallam
RA	-	Radiallahuanha
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
UPSI	-	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UiTM	-	Universiti Teknologi Mara
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
LGBTQi	-	<i>Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender, Queer dan Intersex</i>
PTSS	-	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
SPSS	-	<i>Statistical Package For Social Sciences</i>
IPTI	-	Institut Pengajian Tinggi Islam





## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 Pendahuluan



Ajaran agama Islam yang dipelajari oleh setiap pelajar akan mempengaruhi kehidupan seseorang terutamanya dari aspek keperibadian dan tingkah laku mereka. Agama Islam merupakan suatu didikan yang mengajar dan memandu manusia kepada sesuatu yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dimana didikan tersebut akan menjadi sesuatu yang bernilai dalam kehidupan mereka. Hal ini kerana, didikan tersebut memberikan kesan ke dalam kehidupan seseorang Muslim. Ajaran agama Islam bukan sekadar mempelajari subjek Pendidikan Islam di sekolah sahaja namun setiap pelajar perlu berusaha dalam mencari ilmu pengetahuan. Semakin banyak ilmu yang di cari oleh seseorang maka perkara tersebut serba sedikit dapat membantu pelajar dalam membentuk peribadi yang baik.





Antara salah satu aspek yang terpenting di dalam agama Islam ialah syarak. Syarak adalah satu aspek yang penting dalam kehidupan manusia kerana syarak merupakan satu panduan supaya umat Islam sentiasa berbuat baik dan meninggalkan larangan Allah SWT. Bahkan, manusia juga memerlukan syarak dalam kehidupan mereka kerana syarak dapat menjaga kepentingan dan membantu manusia untuk meneruskan kehidupan mereka dengan baik. Oleh itu, ajaran agama Islam perlu ditekankan dalam diri seseorang bermula daripada kanak-kanak sehingga mereka dewasa terutamanya dalam golongan mahasiswa dan mahasiswi. Ajaran agama dari perspektif syarak yang perlu ditekankan kepada setiap umat Islam ialah dari aspek akidah, ibadah dan akhlak. Ketiga-tiga aspek ini perlu ditekankan kepada golongan pelajar supaya mereka menghayati agama.



## 1.1 Latar Belakang Kajian



Agama Islam merupakan agama yang syumul dan lengkap dalam kehidupan manusia yang mencakupi semua aspek kehidupan manusia dari sudut akidah, ibadah dan akhlak yang membantu manusia untuk melangsungkan kehidupan mereka dengan lebih baik dan sempurna. Nabi Muhammad SAW merupakan utusan Allah SWT kepada hambaNya iaitu umat Islam untuk mengajar dan menyampaikan agama Islam seperti mana firman Allah dalam surah Al-A'raf ayat 158:

فُلَانْ يَايُهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَيْعَانًا لَذِيْنَ لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا  
هُوَ يُحْيِي وَمُمْتَثِّلٌ فَامْنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمَّيِّ الَّذِيْنَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلَمْتَهُ وَأَتَيْغُوْهُ لَعَلَّكُمْ  
تَهْتَدُونَ

Surah al-A'raf (7): 158





Maksudnya: *Katakanlah (Muhammad), “Wahai manusia! Sesungguhnya aku ini utusan Allah bagi kamu semua, Yang memiliki kerajaan langit dan bumi; tidak ada tuhan (yang berhak disembah) selain Dia, Yang menghidupkan dan mematikan, maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, (yaitu) Nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kepada kalimat-kalimat-Nya (kitab-kitab-Nya). Ikutilah dia, agar kamu mendapat petunjuk.”*

Daripada ayat diatas, Nabi Muhammad SAW diutuskan kepada umat Islam supaya mereka beriman kepada Allah yang satu dan yakin bahawa Allah sahaja yang berhak disembah. Penghayatan agama amat penting dalam hidup manusia terutamanya dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak. Akidah merupakan asas yang penting dalam kehidupan umat Islam dimana mereka perlu yakin bahawa Allah itu wujud. Setiap umat Islam mesti mempunyai akidah yang mantap kerana dengan akidah tersebut mereka akan sentiasa berhati-hati dalam melakukan sesuatu perkara kerana yakin bahawa Allah sentiasa memerhati perbuatan-perbuatan hambanya.



Pada masa kini, terdapat pelbagai fahaman dan aliran yang muncul dan menular sehingga memberikan kesan buruk terhadap akidah umat Islam. Perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang menjadikan fahaman tersebut menular di negara kita. Kesan daripada kemunculan fahaman, ideologi dan aliran lain telah menjadi punca berlakunya perpecahan di antara umat Islam kerana mereka melakukan sesuatu perkara berdasarkan fahaman yang diikuti. Oleh itu, Pendidikan Islam amat penting dalam membentuk peribadi yang baik dalam diri umat Islam terutamanya dari segi penghayatan kepada ajaran agama Islam.





Pendidikan agama Islam merupakan salah satu pengajaran atau didikan yang diberikan kepada umat Islam bermula dari peringkat rendah, peringkat menengah sehingga peringkat pengajian tinggi. Seperti yang kita ketahui, dalam peringkat rendah dan peringkat menengah terdapat mata pelajaran Pendidikan Islam. Manakala pada peringkat pengajian tinggi juga terdapat subjek pengajian akidah dan sebagainya. Bukan itu sahaja, isu khurafat atau syirik juga merupakan sesuatu yang tidak asing dalam kehidupan umat Islam dimana terdapat segelintir daripada mereka mempercayai kepada sesuatu benda sama ada berbentuk kepercayaan, pantang larang, adat istiadat dan sebagainya. Perbuatan khurafat atau syirik adalah bertentangan dengan syarak kerana perbuatan tersebut akan merosakkan akidah umat Islam. Bahkan, terdapat segelintir umat Islam yang mempercayai bomoh atau dukun dimana mereka yakin bahawa bomoh atau dukun dapat menyembuhkan penyakit dan menunaikan hajat yang diingini.



Prinsip asas akidah meletakkan bahawa segala amalan yang tidak berkaitan dengan Islam adalah tertolak dimana semua kepercayaan yang tidak bersumberkan al-Quran, sunnah, ijmak dan qiyas dianggap perbuatan menyeleweng dari ajaran Islam (Mohd Kamel Mat Salleh, Muhammad Firdaus Abdul Manaf & Mohd. Asyran Safwan Kamaruzaman, 2021). Seperti mana Riwayat Nabi Muhammad SAW:

مَنْ أَخْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَذْ

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Maksudnya: “Sesiapa yang mereka-reka perkara baru dalam urusan (agama) kami, yang tidak berasas daripadanya, maka ia tertolak.”





Selain itu, manusia juga ditugaskan untuk beribadah kepada Allah. Menurut Mohamad Anas Mohamad Yaakub & Aminuddin Ruskam (2019), tujuan utama manusia diciptakan oleh Allah SWT adalah untuk beribadah kepadanya dan bertindak sebagai khalifah dalam meninggikan kalimah Allah di atas muka bumi ini seperti mana firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Surah Az-Zariyat (51): 56

Maksudnya: “*Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepada-Ku.*”

Yang terakhir ialah akhlak yang merujuk kepada tingkah laku dan perbuatan seseorang. Agama Islam menganjurkan supaya semua umat Islam melakukan amar makruf nahi mungkar dimana mereka perlu melakukan suruhan Allah SWT dan meninggalkan larangannya. Walaupun perkara tersebut telah jelas dalam kehidupan manusia namun isu keruntuhan akhlak semakin berleluasa terutamanya dalam golongan remaja. Terdapat pelbagai isu keruntuhan akhlak yang berlaku seperti merokok, tidak menutup aurat dan sebagainya yang sangat membimbangkan ramai pihak. Kepincangan akhlak yang berlaku pada masa kini adalah berpunca daripada beberapa faktor antaranya ialah disebabkan oleh pengaruh Barat sehingga remaja pada masa kini hanya mementingkan hiburan semata-mata. Umat Islam seharusnya menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh teladan. Nabi Muhammad merupakan nabi yang diutus kepada umat Islam untuk menyempurnakan keindahan akhlak. Daripada Abu Hurairah RA, Nabi Muhammad SAW bersabda:





إِنَّمَا بُعْثِثُ لِأَنَّمِّمْ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ  
(Riwayat Ahmad)

Maksudnya: “Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.”

Bahkan, Allah SWT telah mengakui di dalam Al-Quran bahawa kekasihnya Rasulullah SAW merupakan contoh teladan yang terbaik untuk diikuti sebagaimana firmanya dalam surah Al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Surah al-Ahzab (33): 21

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik.”

Kesimpulannya, penghayatan agama dari sudut akidah, ibadah dan akhlak adalah berkait diantara satu sama lain dimana jika seseorang mempunyai akidah yang mantap yang mempercayai bahawa Allah adalah Tuhan yang satu dan Allah sahaja yang berhak disembah maka manusia akan beribadah kepadanya dengan mengerjakan perintahnya seperti solat dan sebagainya. Apabila setiap umat Islam beribadah kepada Allah maka mereka akan menjaga tingkah laku mereka kerana merasa takut untuk meninggalkan suruhan Allah dan berusaha menjauhkan diri daripada larangan Allah SWT.



## 1.2 Pernyataan Masalah

Syarak ialah sesuatu hukum yang telah ditetapkan oleh Allah untuk menjaga kepentingan manusia dalam melangsungkan kehidupan di dunia. Dengan adanya syarak, maka kehidupan manusia akan berada dalam keadaan yang baik dan teratur kerana setiap sesuatu yang telah ditetapkan adalah untuk kepentingan dan kebaikan umat Islam. Namun begitu, komitmen penghayatan agama dalam kalangan belia khususnya para pelajar agak kurang memuaskan dimana terdapat pelbagai isu yang bertentangan dengan syarak sering berlaku pada masa kini terutamanya dari aspek akidah, ibadah dan akhlak. Yang pertama ialah permasalahan yang berkaitan dengan akidah. Antara masalah yang berlaku berkaitan dengan akidah dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) ialah dalam kajian

Mohamed Seman dan Abdul Wahab (2010) di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pahang dan Universiti Malaysia Pahang menyatakan bahawa tahap kefahaman dan amalan beragama adalah pada tahap yang rendah namun pada sggelintit pelajar sahaja. Namun, walaupun hanya melibatkan nisbah yang sedikit tetapi ia berkait dengan masalah akidah dan melakukan sesuatu yang dilarang oleh syarak dan menjadikan ia sebagai satu kebiasaan. Menurut pengkaji, telah dikenal pasti bahawa sikap diri sendiri yang susah untuk menerima tunjuk ajar dan lemah dalam budaya ilmu merupakan salah satu faktornya. Dalam kajian Abd Rahman (2018) pula menegaskan bahawa walaupun mahasiswa mempunyai tahap kefahaman yang baik namun mereka tetap terdedah kepada desakan golongan liberal berkaitan konsep kebebasan beragama.

Seterusnya dalam kajian Nazneen Ismail, Norul Huda Bakar, Mariam Abd. Majid dan Hasnan Kasan (2019), menyatakan bahawa sudut kefahaman asas akidah Islam adalah



masalah mahasiswa. Bukan itu sahaja, menurut Nor Azizah Mustapha, Fariza Md Sham dan Ahmad Irdha Mokhtar (2019), dunia luar dan budaya Barat memberikan kesan kepada remaja pada masa kini dalam memahami agama. Antara salah satu perkara yang bertentangan dengan akidah ialah khurafat dimana khurafat atau syirik merupakan sesuatu perbuatan yang merujuk kepada pantang larang, pemujaan, adat istiadat dan sebagainya. Secara umumnya, permasalahan tentang khurafat berlaku di Malaysia walaupun bukan melibatkan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Yang kedua ialah permasalahan tentang ibadah yang melibatkan pelajar Institut Pengajian Tinggi pula ialah berkaitan dengan amalan ibadah dalam kehidupan sehari-hari mereka. Setiap umat Islam dituntut untuk beribadah kepada Allah dengan mengerjakan perintahnya dan meninggalkan larangannya. Antara asas kepada ibadah yang merupakan tiang kepada agama ialah mengerjakan solat lima waktu sehari semalam yang terkandung di dalam rukun Islam. Semua umat Islam diwajibkan untuk mengerjakan solat namun masih ramai lagi umat Islam yang hanya mengerjakan beberapa solat fardu sahaja disebabkan oleh beberapa faktor. Seperti mana dalam kajian Hasna Bidin (2016), yang menunjukkan pelajar Kolej Komuniti negeri Johor mempunyai tahap pengamalan solat yang sederhana walaupun mempunyai tahap pengetahuan tentang solat yang tinggi. Bukan itu sahaja, menurut Nazneen Ismail, Norul Huda Bakar, Mariam Abd. Majid & Hasnan Kasan (2019), menyatakan bahawa majoriti pelajar bersetuju dengan kenyataan keharusan meninggalkan solat jika darurat yang menunjukkan bahawa mereka lemah dari segi ilmu asas agama dalam diri mereka.

Yang ketiga ialah permasalahan yang berkaitan dengan akhlak. Akhlak bukan sahaja diterapkan kepada pelajar sekolah sahaja tetapi kepada semua umat Islam





termasuklah mahasiswa dan mahasiswi di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Pengetahuan dan pengamalan akhlak Islam dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi juga perlu dititikberat agar mereka menjadi generasi yang berakhlak baik. Pelajar di Institut Pengajian Tinggi Awam seharusnya mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang Islam dan sentiasa mempunyai akhlak yang baik. Namun begitu, mahasiswa dan mahasiswi masih kurang pengetahuan dan pengamalan akhlak dalam diri. Seperti mana dalam kajian Nor Hayati Fatmi Talib, Adibah Hasanah Abd Halim dan Bani Hidayat Mohd Shafie (2018), mendapati bahawa tahap pengetahuan Islam adalah tinggi dari segi aspek akidah, muamalat, sirah dan syariah. Namun, terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi dalam beberapa aspek dalam akidah, syariat dan muamalat. Hal ini kerana kajian tersebut menyatakan bahawa mereka belum jelas bahawa para malaikat akan mencatat segala perbuatan baik ataupun buruk dan akan diberikan balasan yang setimpal sama ada kebaikan atau keburukan dan mereka tidak yakin dengan sepenuhnya mengenai kebangkitan semula manusia, kehidupan di mahsyar dan amalan yang dilakukan semasa di dunia akan dihitung.

Bukan itu sahaja, pelajar juga mempunyai masalah dari segi memhami keperluan membaca al-Quran secara bertajwid dan kurang memahami bahawa al-Quran mengajar manusia bermuamalat, integriti dalam bekerja serta kurang memahami pembangunan tamadun Islam. Manakala dari segi penghayatan akhlak pula pada tahap yang tinggi namun terdapat beberapa perkara yang berada dalam tahap sederhana dari segi keperluan akhlak dimana mereka merasakan kebahagiaan di dunia menjadi keutamaan. Seharusnya, para mahasiswa dan mahasiswi sudah jelas memahami bahawa kebahagiaan hidup bukan sahaja di dunia tetapi di akhirat juga sebagai matlamat hidup dimana sebagai seorang





muslim sepatutnya memahami bahawa kita perlu mengurangkan daripada mendengar lagu-lagu rentak terkini dan sering mendengar alunan al-Quran, yakin bahawa melakukan sesuatu yang baik bukanlah perkara yang sia-sia di sisi Allah, bersabar apabila ditimpa musibah dan redha serta merasa gerun apabila berlaku bencana alam seperti banjir.

Seterusnya ialah dalam kajian Mohd Khairi Shafie dan Mohamad Khairi Othman (2016), menyatakan bahawa dapatan kajian yang diperolehi ialah tahap kefahaman tentang akhlak dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi berada pada tahap yang tertinggi bagi setiap aspek yang dikaji. Manakala dapatan kajian mendapati tahap pengamalan dan akhlak juga tinggi. Namun terdapat sebahagian kecil responden tidak mengamalkan apa yang mereka faham terutamanya perkara-perkara yang berkaitan akhlak. Bukan itu sahaja, dalam kajian Normadiana Mohammad Hanapi, Norizah Omar, Mohammad Mokhtar Samat, Mohd Mawardi Mohd Kamal (2021), masalah gejala sosial yang melibatkan perilaku pelajar-pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta sering kali menjadi pilihan laporan media massa, contohnya isu pornografi yang viral di internet sekitar Jun 2003 (Utusan Malaysia, 3 Jun 2003). Terdapat isu baru yang ditimbul di laman web pada 29 Ogos 2022 yang diterbitkan oleh Berita Parti Islam Se-Malaysia (Berita PAS), dimana seorang pensyarah sebuah universiti tempatan mendedahkan ramai anak muda yang menuntut di Institut Pengajian Tinggi (IPT) terlibat dalam aktiviti zina dengan merakam kegiatan itu dan menjualnya di portal tertentu. Daripada kajian tersebut dapat disimpulkan bahawa pelajar mengetahui tentang akhlak namun terdapat sesetengah diantara mereka tidak mengamalkan akhlak tersebut di dalam kehidupan.





### 1.3 Objektif kajian

Sebelum memulakan kajian ini dengan lebih mendalam, pengkaji telah menggariskan beberapa objektif kajian. Objektif kajian ini adalah untuk menjadikan kajian yang dijalankan dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 1) Mengenal pasti komitmen penghayatan agama dalam kalangan pelajar dari aspek akidah.
- 2) Mengenal pasti komitmen penghayatan agama dalam kalangan pelajar dari aspek ibadah.
- 3) Mengenal pasti komitmen penghayatan agama dalam kalangan pelajar dari aspek akhlak.



### 1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan yang berikut:

- 1) Apakah tahap komitmen penghayatan agama dalam kalangan pelajar dari aspek akidah?
- 2) Apakah tahap komitmen penghayatan agama dalam kalangan pelajar dari aspek ibadah?





- 3) Apakah tahap komitmen penghayatan agama dalam kalangan pelajar dari aspek akhlak?

### **1.5 Limitasi kajian**

Kajian ini memfokuskan tentang penglibatan pelajar terhadap perkara yang bertentangan dengan syarak dari aspek akidah, ibadah dan akhlak. Kajian ini adalah kajian berbentuk pendekatan kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik. Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik. Pengumpulan data dalam kajian ini adalah berdasarkan kaedah soal selidik menerusi borang soal selidik yang akan diedarkan kepada 150 orang responden. Sampel bagi kajian ini pula adalah terdiri daripada pelajar



kajian yang dilakukan adalah secara rawak.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini perlu dijalankan bagi mengenal pasti komitmen penghayatan agama dari aspek akidah, ibadah dan akhlak dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi. Komitmen penghayatan agama dalam kalangan pelajar terhadap perkara yang bertentangan dengan syarak yang terdapat di dalam kajian ini dapat memberi manfaat kepada mereka sendiri kerana dapat mengenal pasti sama ada perkara yang dilakukan dalam kehidupan seharian bertentangan dengan syarak ataupun tidak. Selain itu, kajian yang dijalankan ini akan





menambah pengetahuan mereka terhadap bentuk-bentuk perkara yang bercanggah dengan syarak agar mereka dapat memperbaiki diri.


### 1.7 Kerangka Teori Kajian

Kajian ini menggunakan dua teori iaitu teori daripada al-Ghazali. Teori yang pertama ialah Teori Ilmu dan Amal manakala teori kedua pula ialah Teori Kaedah Pendidikan Akhlak oleh al-Ghazali.

#### i. Teori Ilmu dan Amal Al-Ghazali

Teori ilmu dan amal oleh Al-Ghazali berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan iaitu berkait rapat dengan komitmen penghayatan agama dalam kalangan pelajar dari aspek akidah, ibadah dan akhlak. Daripada teori tersebut, dapat difahami bahawa setiap amalan yang dilakukan adalah daripada ilmu yang diperoleh. Begitu juga dengan penghayatan agama dimana jika seseorang individu menghayati ajaran agama maka tiada permasalahan yang timbul daripada manusia berkaitan dengan akidah, ibadah dan akhlak.

Rajah 1.1: Teori Ilmu Dan Amal




Sumber: al Ghazali (1993)



## ii. Teori Kaedah Pendidikan Akhlak Al-Ghazali

Teori kaedah pendidikan akhlak oleh Al-Ghazali berkait rapat dengan kajian ini terutama pada objektif kajian. Teori ini bertepatan dengan objektif kajian yang ketiga iaitu mengenal pasti komitmen penghayatan agama dalam kalangan pelajar dari aspek akhlak. Daripada kaedah pendidikan akhlak yang dikemukakan oleh Al-Ghazali ini dapat membantu dalam membentuk peribadi manusia dari aspek akhlak.


Rajah 1.2: Teori Kaedah Pendidikan Akhlak



Sumber: Al-Ghazali

## 1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.3 Kerangka Konseptual Kajian





Kerangka konsep seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 1.3 dibina untuk mengenal pasti komitmen penghayatan agama dalam kalangan pelajar dari aspek akidah, ibadah dan akhlak. Rajah dibawah menunjukkan gambaran keseluruhan perjalanan serta perancangan kajian yang akan dijalankan dan perkaitan antara elemen-elemen yang terlibat dalam kajian ini. Antara elemen-elemen yang terlibat dalam kajian ini dari sudut akidah, ibadah dan akhlak.

### **1.9 Definisi Istilah**

Pengkaji menggunakan beberapa istilah dalam kajian ini. Istilah-istilah yang digunakan ini dapat menjelaskan makna-makna perkataan yang digunakan bagi memudahkan pemahaman dan penting bagi mengelakkan daripada berlakunya kekeliruan atau salah faham terhadap kajian ini. Oleh itu, definisi istilah-istilah ini dapat membantu pengkaji dan pembaca memahami kajian yang dijalankan. Antara istilah-istilah yang digunakan ialah:

1) Komitmen

Menurut Hajah Noresah Baharom (2007), antara beberapa tulisan-tulisan yang menjelaskan maksud komitmen ialah mendefinisikan komitmen sebagai sikap, pendirian atau perbuatan yang memberi sepenuh tenaga dan perhatian ataupun komitmen ialah menunjukkan sokongan dan azam yang sepenuhnya kepada sesuatu





iltizam. Menurut Abdurahman Abdullah dan Abdul Ghafar Don (2018) pula, komitmen mempunyai beberapa definisi seperti:

- a) Komitmen ialah sikap, pendirian atau perbuatan yang memberikan sepenuh tenaga dan perhatian dan sebagainya atau menunjukkan sokongan dan azam yang sepenuhnya kepada sesuatu iaitu iltizam dimana semuanya dihasilkan oleh barisan pekerja yang bersemangat tinggi, bermotivasi dan mempunyai komitmen yang tinggi terhadap kerja.
- b) Komitmen ialah perjanjian, persetujuan, kata putus dan sebagainya untuk melakukan sesuatu yang menjadikan sesuatu pihak itu terikat untuk melaksanakannya.
- c) Komitmen mempunyai kaitan dengan kewajipan dan tanggungjawab yang perlu dilunaskan berdasarkan akur janji dan dilaksanakan atas dasar sukarela tanpa paksaan.

## 2) Penghayatan

Dari segi bahasa, penghayatan berasal dari ‘hayat’ iaitu perkataan Arab bermakna hidup, manakala kata kerja ‘menghayati’ memberi maksud mengalami dan merasai dalam batin atau meresap ke dalam jiwa (Zulkiple Abd. Ghani & Nor Salimah Abu Mansor, 2006).

## 3) Agama





Perkataan agama pula berasal dari perkataan Sanskrit iaitu gabungan ‘a’ bermakna tidak dan ‘gama’ bermakna kacau, menjadikan ‘agama’ memberi maksud peraturan atau tidak kacau. Sesuai dengan itu, orang yang beragama dikaitkan sebagai manusia yang memiliki ketenangan zahir dan batin (Ibrahim Lubis, 1982). Menurut Al-Attas, agama merujuk kepada konsep *al-din* yang bermaksud keimanan, kepercayaan, amalan, ajaran dan anutan orang Muslim sama ada dari sudut individu atau masyarakat yang bergabung membentuk sebuah agama yang dinamakan Islam (Mastura Haji Abd Wahab & Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, 2021).

#### 4) Kalangan



Menurut Kamus Dewan (2002), perkataan kalangan bermaksud kelompok orang atau kelompok bangsa tertentu, golongan dan lingkungan. Kalangan juga bermaksud atasan iaitu golongan orang-orang yang berpangkat tinggi atau orang-orang besar.

#### 5) Pelajar

Menurut Kamus Dewan (2002), istilah pelajar bermaksud orang yang belajar atau orang yang mengaji. Pelajar juga membawa maksud orang yang menyelidiki ilmu.





## 1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini membincangkan tentang komitmen penghayatan agama yang merujuk kepada amalan yang dilakukan oleh pelajar Institut Pengajian Tinggi sama ada bertentangan dengan syarak ataupun tidak. Walaupun setiap pelajar telah dibekalkan dengan didikan agama bermula dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat pengajian tinggi namun terdapat segelintir pelajar mengetahui tentang ajaran agama Islam namun tidak mengamalkannya dengan baik dalam kehidupan sehari-hari. Maka, tiada komitmen penghayatan agama dalam diri pelajar. Sebagai seorang pelajar IPT, mereka perlu menjalani kehidupan secara beragama kerana perkara tersebut menjadi asas kepada pelajar supaya iman dan taqwa sentiasa terjaga dalam mengharungi cabaran pada masa

5.4 kini. Setiap pelajar IPT perlu memastikan diri mereka telah dilengkapi dengan komitmen penghayatan agama dari aspek akidah, ibadah dan akhlak kerana mereka merupakan golongan yang disanjung tinggi oleh masyarakat. Oleh itu, pelajar universiti perlu menonjolkan peribadi dan tingkah laku yang baik. Bahkan, masyarakat pada masa kini sangat menyanjungi graduan universiti dan mengharapkan mereka dapat memberikan contoh teladan yang baik kepada generasi yang lain.

